

Dalam pada itu, beliau juga memaklumkan seramai 34,150 pelajar sedang mengikuti pengajian di dalam dan luar kampus ini di samping menggiatkan usaha untuk memberikan pendedahan antarabangsa kepada pelajar dengan meningkatkan program mobaliti.

"Kita berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah memberikan peruntukan yang agak besar untuk membolehkan program mobaliti pelajar di luar negara dilaksanakan dan kini terdapat 15 pelajar telah pun dihantar pada tahun ini untuk mengikuti pengajian di luar negara pada semester pertama termasuklah di Korea, Australia dan lain-lain negara di Asia," katanya.

Sempena dengan majlis makan malam itu, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin turut memberi amanat, agar universiti dapat memainkan tiga perkara dalam ekonomi yang berasaskan kepada inovasi iaitu teknologi, talent dan tolerance.

Di majlis itu, beliau turut meluangkan masa untuk beramah mesra dengan pemimpin pelajar yang hadir.

Habis.